

13 MAR 1999

MAHATHIR-MSK

MSK TELAH MENARIK 29 FIRMA ANTARABANGSA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Koridor Raya Multimedia (MSK) telah menarik 29 syarikat antarabangsa, dan ini adalah lebih daripada apa yang dijangkakan mengikut jadualnya.

Kata beliau, sebenarnya MSK mensasarkan 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003.

"Ini bererti sekarang ini, ia (MSK) telah jauh mendahului perancangannya," kata beliau selepas merasmikan pejabat Bloomberg (Malaysia) Sdn Bhd di sini.

Perdana Menteri juga berkata, berikutan mesyuarat Majlis MSK yang dipengerusikannya semalam, telah dipastikan bahawa MSK berkembang dengan amat baik dan bukan sebaliknya, seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar asing.

Setakat ini, lebih 200 syarikat telah mendaftar sebagai syarikat MSK dan separuh daripadanya terdiri daripada syarikat-syarikat Malaysia manakala yang lainnya adalah syarikat asing, kata beliau.

MSK merupakan kawasan seluas 750 kilometer persegi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang. Ia adalah pusat yang diperuntukkan khas bagi pengembangan produk dan perkhidmatan multimedia. -- BERNAMA

AD KY OS